Menyantuni Rakyat Malaysia

Dasar dan tindakan BNM memberi kesan kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, BNM mengadakan libat urus secara meluas dengan pihak berkepentingan untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang peranan dan dasar BNM.

Pengenalan

Pada tahun 2024, BNM terus menyantuni dan menjalinkan hubungan dengan pihak berkepentingan. BNM komited untuk menjelaskan mandat, dasar dan tindakan serta menangani perkara yang kompleks. BNM melaksanakan usaha ini menerusi komunikasi yang telus, kandungan yang mudah difahami dan inisiatif kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan. Pendekatan ini membolehkan rakyat Malaysia lebih memahami peranan dan asbab di sebalik tindakan BNM.

Menjelaskan Mandat BNM

Pada tahun 2024, isu-isu utama seperti ringgit, penipuan kewangan, insurans perubatan dan kesihatan serta kos sara hidup, antara lain, telah menarik minat orang ramai.

Oleh itu, BNM mempergiat usaha jangkauan dalam isu dan topik yang berkaitan mandat BNM dengan menjalankan pelbagai inisiatif pendidikan bagi mempertingkatkan pemahaman pihak berkepentingan. BNM telah menganjurkan bengkel media untuk berkongsi lebih banyak maklumat tentang insurans/takaful, pembayaran digital dan kelestarian. BNM juga memberikan maklumat terkini mengenai ekonomi, inflasi kos perubatan dan kewangan Islam kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan ahli parlimen. Selain daripada libat urus secara bersemuka, BNM telah memperluas capaian melalui media sosial, sesi turun padang melalui program jangkauan dan pameran.

BNM komited untuk meningkatkan pemahaman orang ramai tentang dasar yang dilaksanakan. Berhubung dengan proses merangka dasar, lazimnya BNM akan menerbitkan draf dedahan (*exposure draft*) atau kertas perbincangan yang menjelaskan tindakan dasar, pemikiran atau pilihan serta mengundang maklum balas yang boleh membantu untuk memperhalusi dasar dengan lebih lanjut. Setelah proses ini selesai, dasar yang dimuktamadkan akan dijadikan dokumen dasar rasmi yang tuntas. Pada tahun 2024, BNM telah menerbitkan 13 draf dedahan, tiga kertas perbincangan dan 18 dokumen dasar melalui laman sesawang BNM. Selain itu, BNM menerbitkan dokumen Pendekatan Penguatkuasaan rejim penguatkuasaan dan mempertingkatkan ketelusan mengenai tindakan penguatkuasaan BNM. Melalui laman sesawangnya, BNM juga menerbitkan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap entiti yang dikawal selia serta yang tidak dikawal selia.

Memperkukuh Ekonomi

BNM terus memberikan keutamaan penting terhadap usaha memelihara keyakinan mengenai ekonomi dan ringgit pada tahun 2024. Bagi membantu orang ramai lebih memahami perkembangan ekonomi dan perkembangan semasa yang mempengaruhi ringgit, BNM mengadakan lebih banyak temu bual media serta menghasilkan lebih banyak rencana dan penjelasan ringkas melalui media sosial. Bersama-sama dengan Kementerian Kewangan, BNM menganjurkan siri



Gabenor Rasheed berkongsi mengenai ekonomi dan ringgit melalui Money Matters TV3 pada bulan September 2024



Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Gabenor Rasheed di majlis pelancaran portal InvestMalaysia, iaitu platform untuk menghubungkan pelabur dengan peluang pelaburan di Malaysia

jerayawara untuk menggariskan potensi ekonomi Malaysia dan komitmen Kerajaan terhadap pembaharuan dasar. BNM menyantuni syarikat korporat dan perniagaan untuk menggalakkan mereka membawa balik dan menukar pendapatan mata wang asing kepada ringgit secara lebih konsisten. Melalui kerjasama dengan Kerajaan, portal Invest Malaysia telah dilancarkan untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif dan menarik.

Mempergiat Libat Urus Awam

Laporan Tahunan (LT), Tinjauan Ekonomi dan Monetari (TEM) dan Tinjauan Kestabilan Kewangan (TKK) ialah penerbitan utama yang menerangkan penilaian, dasar

Menyantuni pelbagai pihak berkepentingan bersempena dengan LT 2023, TEM 2023, TKK ST2 2023

- Kementerian dan agensi Kerajaan
- Kor diplomasi
- Perbankan
- Insurans dan takaful
- Penyedia pembayaran
- Ahli ekonomi, penganalisis perbankan dan pengurus dana
- Perniagaan (termasuk PKS)
- Media



Pihak pengurusan kanan BNM menyantuni pelbagai pihak berkepentingan bersempena dengan penerbitan LT 2023, TEM 2023, TKK ST2 2023



Mengambil peluang untuk berinteraksi dengan media bagi memastikan capaian yang meluas

dan operasi BNM. BNM turut menjalankan sesi libat urus dengan pelbagai lapisan masyarakat melalui forum, bengkel serta temu bual televisyen, radio dan akhbar. Sesi libat urus ini membolehkan BNM lebih memahami keadaan persekitaran semasa lantas membantu merangka dasarnya dengan baik. Sebagai sebahagian daripada komitmen untuk menambah baik usaha libat urus, BNM kerap mendapatkan maklum balas mengenai prestasi serta ruang untuk penambahbaikan daripada pihak berkepentingan.

Sasana Symposium – Pembaharuan Struktur: Menjadikannya Satu Realiti untuk Malaysia

BNM menganjurkan Sasana Symposium (Simposium) pada 12 dan 13 Jun 2024 dengan tema "Pembaharuan Struktur: Menjadikannya Satu Realiti untuk Malaysia (Structural Reforms: Making It a Reality for Malaysia)". Pada tahun 2024, BNM telah mengembangkan acara ini untuk memastikan capaian yang lebih banyak serta menggalakkan perbincangan yang lebih meluas mengenai isu makro dan sosioekonomi utama.

Simposium ini menampilkan 24 sesi panel, perbincangan iringan *(fireside chat)* dan bengkel. Semua sesi ini mengetengahkan lebih 70 orang ahli panel, termasuk menteri, pegawai kerajaan, pegawai BNM, ahli ekonomi, ahli akademik dan pemimpin industri. Yang ketara, bengkel mengenai celik kewangan, mata wang palsu, kelestarian, perumusan dasar monetari dan penyeliaan perbankan telah berjaya meningkatkan pemahaman peserta sebanyak 20%.[1]



Sesi panel bertajuk "Navigating Economic Cycles: Interactions Between Monetary and Fiscal Policies"



Penolong Gabenor Abd. Rahman berkongsi tentang pendekatan penguatkuasaan BNM di salah satu sesi Fireside Chat



Bengkel mengenai cara penggubalan dasar monetari menarik minat ramai peserta

Di samping sesi dialog, BNM turut memperkenalkan pameran interaktif pertama yang mempamerkan pelbagai peranan dan fungsi BNM. Satu lagi sorotan utama ialah iTEKAD Marketplace, yang mempamerkan 10 orang usahawan mikro yang berjaya memperoleh manfaat daripada program kewangan sosial iTEKAD.



Pameran ini merangkumi kestabilan monetari, rizab antarabangsa, kestabilan kewangan, kewangan Islam, rangkuman kewangan, pendigitalan, mata wang dan kelestarian



Staf BNM menerangkan sorotan video di pameran interaktif yang menunjukkan peranan dan mandat BNM kepada Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan



iTekad Marketplace mempamerkan produk oleh usahawan mikro yang mendapat manfaat daripada program iTekad

[1] Tinjauan telah dijalankan sebelum dan selepas setiap sesi bagi mengukur tahap kefahaman peserta terhadap sesuatu topik.

Membanteras Penipuan Kewangan

Penipuan kewangan terus menjadi kebimbangan ramai rakyat Malaysia. Bagi melindungi orang ramai daripada menjadi mangsa jenayah kewangan sedemikian dan untuk mengekalkan keyakinan terhadap sektor kewangan, BNM meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai bagi mengenal pasti taktik dan modus operandi penipuan. BNM mengeluarkan kandungan mingguan mengenai taktik penipuan dan kesedaran penipuan melalui platform media sosial rasmi BNM serta melalui Facebook Amaran Scam BNM. Selain perkongsian mingguan, BNM melaksanakan kempen bertemakan perayaan yang telah mencapai lebih 18 juta tontonan. Kempen Merdeka dan Hari Malaysia BNM iaitu siri 3 episod bertajuk *Jangan Scam Hatiku* meraih 2.3 juta penonton dan mendapat maklum balas orang ramai yang menggalakkan seperti yang dibuktikan oleh jumlah perkongsian (*shares*) dan komen yang positif.



Kempen perayaan khas berkaitan penipuan kewangan BNM meraih jutaan tontonan di media sosial



Pameran #JanganKenaScam di Parlimen yang dikunjungi oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu (kiri) dan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' Johari Abdul (kanan)

Melangkaui ruang digital, BNM turut mengadakan libat urus dengan penggubal undang-undang untuk meningkatkan kesedaran serta menerangkan tentang usaha yang dilaksanakan oleh industri kewangan untuk membanteras penipuan kewangan.

Menyokong Jangkauan dengan Rangkaian Digital

Sejak beberapa tahun lalu, BNM telah melaksanakan usaha untuk mengukuhkan rangkaian digital, khususnya melalui media sosial. Pada tahun 2024, BNM lebih menumpukan pada kandungan video merentas tujuh siri khas. Siri khas BNM, seperti "BNM Kongsi" dan "Anda Tanya, BNM Jawab" menjelaskan isu dan dasar yang kompleks dengan mudah. Sementara itu, "Imbas Kembali", "Tahukah Anda", "Bijak Kewangan" dan "Siri Petikan BNM" mengambil peluang untuk berkongsi perkara yang boleh dijadikan iktibar pada orang ramai. BNM menyesuaikan dan mempelbagaikan kandungan berdasarkan topik semasa serta dasar yang mempunyai kepentingan awam untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam. BNM tidak ketinggalan untuk menggunakan beberapa trend video terkini dalam usaha untuk berinteraksi dengan khalayak secara lebih meluas.

Pemantauan rapi terhadap metrik dan interaksi (*engagement*) terhadap kandungan melalui media sosial membantu BNM memahami minat khalayak ramai, mengurangkan jurang jangkaan dan kekal peka dalam pendekatan yang dilaksanakan. Langkah ini membantu BNM merancang kandungan media sosial dengan lebih baik. Pada tahun 2024, enam platform media sosial BNM mencatatkan purata kadar pertumbuhan pengikut sebanyak 9% dan mencecah lebih satu juta orang. Instagram merupakan platform terbesar BNM yang sedang berkembang, dengan peningkatan pengikut sebanyak 30%.

Gambar Rajah 1: Siri khas media sosial BNM



Imbas Kembali



Siri Petikan



BNM Kongsi



Amaran Scam



Bijak Kewangan



Tahukah Anda



Anda Tanya, BNM Jawab

Siri khas media sosial BNM menggunakan trend audio dan visual terkini bagi meningkatkan interaksi (engagement) dan capaian

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Kewangan Islam

Pada tahun 2024, BNM telah menerajui pelbagai inisiatif untuk terus menyokong pertumbuhan kewangan Islam dalam negeri dan pada peringkat antarabangsa. Inisiatif ini dilaksanakan dengan memanfaatkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam kewangan Islam.

Di bawah naungan Kementerian Kewangan, BNM menganjurkan Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF) pada bulan Mei 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. GFIEF diadakan dengan kerjasama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan Financial Services Authority, LFSA), International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM), Islamic Development Bank (IsDB), Islamic Financial Services Board (IFSB) dan Kumpulan Bank Dunia. Lebih 2,300 pemimpin dan pengamal industri mengambil bahagian untuk membincangkan tindakan dasar dan penyelesaian berdasarkan prinsip Islam.

BNM juga menganjurkan Forum Perniagaan MIFC-UK bersama Majlis Kepimpinan MIFC (MIFC Leadership Council, MLC) pada bulan September 2024, di London, bersama-sama dengan Islamic Finance Council United Kingdom (UKIFC), TheCityUK dan UK Islamic Finance-Halal Economy Hybrid Group sebagai rakan kongsi sokongan. Forum ini meneroka peluang dan cabaran dalam pelaburan hijau menggunakan penyelesaian kewangan Islam.



Gabenor Rasheed di GFIEF menerangkan keperluan pembaharuan berasaskan nilai untuk menyokong daya tahan ekonomi global

Mempertingkatkan Celik Kewangan melalui Jangkauan Awam

BNM komited untuk mempertingkatkan rangkuman dan celik kewangan merentas komuniti, termasuk belia, usahawan mikro dan masyarakat luar bandar. BNM menjalankan pelbagai program jangkauan untuk membantu mereka memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi, mengelakkan daripada penipuan dan meningkatkan kedudukan kewangan mereka.

Pada tahun 2024, acara Karnival Celik Kewangan (KCK) yang diadakan di Pahang dan Sarawak bertujuan untuk menggalakkan kesedaran kewangan. Misi KCK adalah untuk mendidik orang ramai tentang hal ehwal kewangan. Usaha ini selaras dengan matlamat negara untuk memupuk rakyat Malaysia yang lebih bijak kewangan serta mahir menguruskan situasi kewangan yang mencabar (rujuk Gambar Rajah 2).

Di KCK Sarawak, BNM melancarkan **Program Pengurusan Kewangan Peribadi untuk Guru-Guru**[2] bagi melengkapkan para guru dengan kemahiran celik kewangan dan pembangunan peribadi. Program yang bermula di Sarawak itu menyasarkan untuk mencapai lebih 5,000 orang guru di seluruh Malaysia menjelang tahun 2025. Setakat bulan Disember 2024, lapan organisasi telah bersetuju untuk membiayai program ini.[3]



Temu bual Gabenor Rasheed bersama CNBC di GFIEF yang membincangkan pertumbuhan ekonomi, dasar monetari, prospek ringgit dan kemajuan kewangan Islam

[2] Program perintis yang melibatkan perkongsian awam-swasta dengan Kementerian Pendidikan, Financial Industry Collective Outreach dan industri kewangan.

[3] Institusi tersebut ialah Kumpulan AmBank Malaysia, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Yayasan CIMB, Hong Leong Bank Berhad, Public Bank Berhad, RHB Bank Berhad dan Shopee Malaysia.



KCK mengumpulkan pengawal selia, agensi kerajaan dan industri kewangan untuk memberi orang ramai akses kepada pendidikan kewangan serta produk dan perkhidmatan kewangan

Gambar Rajah 2: Karnival Celik Kewangan

	KCK Pahang 6–7 Julai 2024	KCK Sarawak 15–17 November 2024
	17.5 ribu pengunjung **222 ribu** dicapai dalam talian	**22 ribu** pengunjung **225 ribu** dicapai dalam talian
	22 aktiviti pendidikan **interaktif**	**19** aktiviti pendidikan **interaktif**
	627 transaksi kewangan bernilai > RM6 juta*	**2,446** transaksi kewangan bernilai > RM75 juta*

* Jumlah keseluruhan yang dikumpul daripada deposit, pembiayaan dan insurans/takaful oleh penyedia perkhidmatan kewangan di lokasi urus niaga mereka dengan orang awam.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bulan Celik Kewangan (Financial Literacy Month, FLM), iaitu acara tahunan yang dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran dan keupayaan kewangan dalam kalangan segmen mudah terjejas dan pelbagai kumpulan bersasar (rujuk Gambar Rajah 3) diadakan pada bulan Oktober 2024. Beberapa program pendidikan dilancarkan melalui FLM.

Jelajah Seluruh Negara FLM, yang dijalankan oleh Skuad Celik Kewangan,[4] telah pergi ke 98 lokasi dan menyantuni hampir 41,000 orang rakyat Malaysia (rujuk Gambar Rajah 4). BNM telah bertemu dengan kumpulan pada peringkat akar umbi untuk menawarkan nasihat kewangan yang memenuhi keperluan unik mereka.

[4] Skuad ini terdiri daripada BNM mengenai celik kewangan digital dan kesedaran penipuan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mengenai pengurusan kewangan dan hutang, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengenai perancangan persaraan, Persatuan Takaful Malaysia dan Persatuan Insurans Hayat Malaysia mengenai pengurusan risiko peribadi, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengenai perlindungan sosial dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad mengenai ekosistem perniagaan dan pembiayaan untuk usahawan mikro.

Penilaian yang dijalankan semasa jelajah tersebut menunjukkan pengetahuan peserta bertambah baik selepas mengikuti program pendidikan kewangan. Selain itu, hasil tinjauan celik kewangan digital telah menunjukkan kesedaran yang tinggi tentang akaun keldai dan amalan pengurusan kata laluan yang baik dalam kalangan responden (rujuk Gambar Rajah 5). Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan (National Financial Literacy Symposium, NFLS)[5] ketiga yang diadakan semasa FLM membincangkan inisiatif untuk meningkatkan celik kewangan dan rangkuman kewangan merentas pelbagai komuniti di Malaysia**.** NFLS merangkumi ceramah, perbincangan serta pembentangan kertas penyelidikan. Rujuk Gambar Rajah 6 untuk mendapatkan maklumat utama daripada NFLS. Secara keseluruhan, FLM 2024 mencapai lebih 10.5 juta

Gambar Rajah 3: Bidang tumpuan untuk FLM 2024



Penyelesaian dengan Pendekatan Bersasar dan Inklusif

Intervensi pendidikan kewangan disesuaikan untuk memenuhi keperluan khusus kumpulan sasaran bagi memastikan pendekatan adalah relevan dan berkesan.



Akses kepada Perkhidmatan Kewangan yang Bermakna

Inisiatif ini memberikan tumpuan kepada penawaran produk dan perkhidmatan kewangan yang inklusif, memudahkan akses kepada sumber kewangan penting untuk pelbagai kumpulan.



Kesedaran dengan Strategi Komunikasi yang Jelas

Komunikasi memberikan tumpuan kepada mesej yang ringkas, praktikal dan tepat pada masanya seperti *'rules -of-thumb'* dan *'just-in-time'*. Ini memastikan pemahaman dan ingatan yang lebih baik, membolehkan individu mengambil tindakan segera.



Penggunaan Inisiatif Terukur dan Pelaporan yang lebih baik

FLM2024 mengutamakan pengukuran yang teguh terhadap inisiatif-inisiatifnya. Pendekatan berpandukan data ini memberikan maklumat yang bernilai, memastikan keputusan termaklum dibuat dan strategi ditambahbaik secara berterusan.

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Gambar Rajah 4: Jelajah Seluruh Negara FLM 2024 di 98 Lokasi



Bidang yang diliputi dan khidmat nasihat yang disediakan di kaunter ahli-ahli FEN

- Pengurusan kewangan peribadi
- Perancangan awal untuk persaraan
- Literasi kewangan digital, termasuk penipuan kewangan
- Insurans dan takaful
- Ekosistem pembiayaan PKS untuk usahawan mikro
- Mekanisme khidmat nasihat dan penyelesaian aduan

Penyertaan mengikut segmen utama dalam Program Berstruktur Pendidikan Kewangan

- ❑ **Belia: 9,409 (82%)**
- ❑ **Usahawan mikro: 740 (7%)**
- ❑ **Pegawai Kerajaan : 591 (5%)**
- ❑ **Wanita berpendapatan rendah:* 378 (3%)**
- ❑ **Komuniti Orang Asli: 300 (3%)**

*Majoriti wanita yang diwakili bekerja sendiri

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

[5] NFLS dianjurkan pada bulan Oktober 2024 di Sasana Kijang dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Persatuan Ekonomi Malaysia. Simposium mengumpulkan hampir 600 penggubal dasar, penyelidik, pengamal dan pertubuhan bukan kerajaan.



Jelajah Skuad Celik Kewangan menyantuni segmen mudah terjejas dengan memberikan intervensi pendidikan kewangan bagi menangani keperluan unik mereka

rakyat Malaysia secara bersemuka dan dalam talian melalui gabungan pameran, bengkel dan aktiviti turun padang untuk pelbagai kumpulan (rujuk Gambar Rajah 7).

Sebagai pengerusi bersama Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN),[6] BNM bekerjasama dengan ahli dan rakan kongsi FEN untuk melaksanakan inisiatif yang meningkatkan pengetahuan kewangan rakyat Malaysia.

Gambar Rajah 5: Tinjauan Celik Kewangan Digital: Dijawab dengan Tepat*

91%
Mengetahui modus operandi akaun keldai

60%
Setuju bahawa penggunaan Wi-Fi awam untuk perbankan dalam talian adalah tidak selamat

84%
Tidak berkongsi kata laluan dengan rakan karib dan ahli keluarga

* 6,275 sampel tinjauan sepanjang Jelajah FLM SCK

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Gambar Rajah 6: Maklumat Utama daripada NFLS

Keberkesanan pendigitalan dalam menjangkau pengguna yang lebih luas

1. Golongan belia lebih cenderung untuk terlibat dengan kandungan pendidikan kewangan melalui media sosial apabila dipengaruhi oleh keluarga atau rakan sebaya.
2. Video pendek boleh menjadikan pendidikan kewangan lebih mudah diakses dan menarik dengan memudahkan kandungan kompleks agar sesuai dengan gaya pembelajaran yang berbeza-beza.

Pengaruh faktor tingkah laku terhadap pengurusan kewangan individu

1. Selain celik kewangan yang rendah, pengaruh sosial dan faktor-faktor tingkah laku seperti norma, nilai dan kesejahteraan mental mendorong perbelanjaan impulsif dan hutang berlebihan, terutamanya dalam kalangan generasi Z berikutan skim Beli Sekarang, Bayar Kemudian (BNPL).
2. Pendidikan kewangan perlu memberikan tumpuan pada manusia dengan menghubungkan pembelajaran kepada tindakan. Pendidikan perlu juga menumpukan ke arah menangani tindak balas pantas berdasarkan emosi (Pemikiran Sistem 1), selain daripada memupuk membuat keputusan dengan pertimbangan yang teliti dan rasional (Pemikiran Sistem 2)*.

Kepentingan pendidikan kewangan yang disasarkan untuk komuniti yang mudah terjejas

1. Penyalahgunaan kewangan warga emas merupakan isu kritikal yang sering tidak dapat dikesan, namun memberikan kesan teruk terhadap kesejahteraan mereka.
2. Sumber kewangan yang bertambah menyebabkan hasil persaraan yang lebih baik untuk warga emas, tetapi jurang yang ketara dalam kecukupan simpanan terus wujud.
3. Usahawan mikro, khususnya dalam kumpulan B40, bergelut dengan pengurusan kewangan dan keupayaan untuk mengakses perkhidmatan kewangan kerana kemahiran yang terhad, simpanan yang rendah dan amalan belanjawan yang lemah.

* Merujuk dua mod pemprosesan kognitif yang berbeza yang diperkenalkan oleh Daniel Kahneman dalam bukunya, *"Thinking, Fast and Slow"*.

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

[6] FEN dipengerusikan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ahli lain ialah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Permodalan Nasional Berhad dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).



NFLS memberikan pandangan mengenai sosioekonomi, risiko persekitaran dan risiko digital yang mampu menjejaskan kesejahteraan kewangan

Gambar Rajah 7: Inisiatif dan Penglibatan Pendidikan Kewangan Utama semasa FLM 2024

1 JELAJAH & PAMERAN



- Jelajah FLM2024
- InvestSmart Fest 2024
- Karnival Saham Perlis
- Karnival Kita Peduli MySalam
- Karnival Celik Kewangan Sarawak

90 ribu Jangkauan

2 PROGRAM BERSASAR



- Cabaran FinFit
- Fund for Life
- Karnival Kerjaya MyFutureJobs
- Hari Perancangan Kewangan Malaysia
- Cabaran Springboard
- Program RHB MoneyMa$ter
- CGC – Bengkel & Rangkaian
- MFPC – Memperkasakan Usahawan
- Taklimat Literasi Kewangan PIDM
- FINCO – Jangkaan dan Realiti

140 ribu Jangkauan

3 FORUM, DIALOG & WEBINAR



- Forum Perdana Ehwal Islam
- Pengurusan Masa Depan Kewangan dengan Takaful
- Sembang-Sembang ASNB
- Minggu Celik Kewangan KWSP

602 ribu Jangkauan

4 SIMPOSIUM, PENYELIDIKAN & TINJAUAN



- NFLS dan COP
- Tinjauan Kesejahteraan Kewangan
- Kajian Celik Kewangan Malaysia RinggitPlus

16 ribu Jangkauan

5 PROGRAM UNTUK SEMUA



- Bengkel Perancangan Kewangan MFPC
- Sesi perkongsian dengan pempengaruh kewangan
- MTA Takaful4All Fun Run

24.2 ribu Jangkauan

6 MEDIA SOSIAL



- Facebook
- Instagram
- Tiktok
- Laman Web

9.65 ribu Jangkauan

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Pada tahun 2024, lebih 12.8 juta orang pengguna berinteraksi dengan kandungan celik kewangan FEN melalui saluran media sosial jaringan ini.[7] Laman sesawang FEN (www.fenetwork.my) menyediakan lebih 800 sumber dan alat pendidikan kewangan yang telah diakses lebih 60,000 kali.

Satu tumpuan utama adalah untuk membantu golongan belia menjadi celik kewangan. BNM membantu golongan ini untuk membuat pilihan kewangan yang baik.

Pertandingan Video Pendek MyDuitStory siri keempat (MDS 4.0), yang dianjurkan dengan kerjasama industri kewangan, adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran golongan belia tentang penipuan pelaburan. Inisiatif ini memperoleh lebih 1.4 juta tontonan (*impression*) media sosial,[8] terutamanya daripada pelajar institusi pengajian tinggi[9] (rujuk Gambar Rajah 8).

[7] Saluran Facebook, Instagram, TikTok dan YouTube

[8] Jumlah bilangan kandungan dipaparkan dan muncul dalam media sosial.

[9] MDS4.0 mendapat penyertaan daripada universiti awam dan swasta, TVET di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Institut Pendidikan Guru di bawah Kementerian Pendidikan di seluruh negara.

BNM juga bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menyantuni pelajar di institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training, TVET), golongan belia, pekerja merentas pelbagai sektor, komuniti luar bandar dan pemilik perniagaan kecil.

Gambar Rajah 8: Pertandingan Video Pendek MDS 4.0



Sumber: Platform media sosial FEN (Facebook, Instagram dan TikTok)

Meluaskan Rangkaian BNM ke Seluruh Malaysia dengan Transformasi Mini BNM dan Penubuhan Pejabat Wilayah Tengah

Transformasi pejabat BNM dan pejabat Wilayah Tengah yang baharu ditubuhkan akan mengukuhkan lagi rangkaian BNM merentas wilayah

BNM memperluas rangkaian pada peringkat wilayah dengan mentransformasikan pejabat BNM di seluruh Malaysia menjadi "Mini BNM". Semua pejabat wilayah kini memainkan peranan yang dipertingkatkan, menambahkan tumpuan pada pengawasan dan sokongan dasar di wilayah masing-masing.[10] Transformasi ini meningkatkan pengawasan pada peringkat lapangan terhadap ekonomi, rangkuman kewangan, pembayaran elektronik dan risiko kredit PKS, lantas memberikan BNM pemahaman yang lebih baik tentang keadaan ekonomi dan kewangan. Hal ini membantu BNM membuat keputusan dasar menggunakan maklumat yang mencukupi. Pada tahun 2024, "Mini BNM" memainkan peranan penting dalam menyokong usaha jangkauan untuk menggalakkan perniagaan membawa balik dan menukarkan hasil mata wang asing.

"Mini BNM" juga memberi lebih penekanan dalam memainkan peranan pembangunan. Dengan peningkatan kerjasama dengan pihak berkepentingan serantau, BNM bersedia untuk menggalakkan rangkuman kewangan dan penggunaan e-pembayaran dengan lebih baik dalam komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Pada masa yang sama, BNM mempergiat usaha untuk mempertingkatkan dan melindungi kesejahteraan kewangan orang ramai dengan meningkatkan kesedaran tentang pengurusan kewangan yang berhemat dan penipuan kewangan.

Peka dengan keberkesanan libat urus dan capaian pada peringkat lapangan, BNM akan menubuhkan pejabat wilayah Tengah untuk meliputi Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada tahun 2025. Penubuhan ini akan menambah bilangan pejabat BNM di seluruh negara kepada enam pejabat wilayah.

[10] Lima pejabat wilayah BNM termasuk Pejabat Wilayah BNM Pulau Pinang, Pejabat Wilayah BNM Johor Bahru, Pejabat Wilayah BNM Kuching, Pejabat Wilayah BNM Kota Kinabalu, dan Pejabat Wilayah BNM Kuala Terengganu.

Menggabungkan Seni dan Budaya dengan Kewangan

Muzium dan Galeri Seni BNM mencatatkan pencapaian penting dengan memperoleh satu juta pelawat sejak tahun 2011 dan akan kekal komited untuk mendidik kanak-kanak serta orang ramai melalui pengalaman pembelajaran yang kreatif dan inovatif.

Pada tahun 2024, Muzium dan Galeri Seni BNM (BNM Museum and Art Gallery, BNM MAG) terus menarik pelawat dari seluruh Malaysia. Pada bulan Januari 2024, BNM MAG mencecah satu juta pelawat sejak pembukaannya pada tahun 2011. BNM terus menggabungkan kewangan, seni dan budaya dalam pameran serta program yang interaktif. BNM menyusun program yang menjadikan pembelajaran suatu pengalaman yang menyeronokkan.

Pada tahun 2024, BNM melancarkan aplikasi mudah alih "MAG In Your Pocket". Aplikasi ini adalah panduan digital untuk menjadikan lawatan muzium lebih menyeronokkan dan mudah.

Selain BNM MAG, BNM juga bekerjasama dengan galeri lain, universiti serta industri muzium untuk jangkauan yang lebih meluas.

BNM juga bekerjasama dengan Perpustakaan Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Library, FSL). FSL menyediakan pembelajaran masa nyata serta penyelidikan yang disesuaikan untuk BNM dan industri perkhidmatan kewangan. Usaha yang dilaksanakan termasuk pameran buku, ceramah pengarang dan bengkel untuk membantu menyokong pembangunan tenaga mahir. Pada tahun 2024, sebanyak 555,920 pelawat telah mengunjungi BNM MAG dan FSL.

Langkah Selanjutnya

Pada tahun 2025, BNM akan terus menyantuni orang ramai secara lebih meluas untuk berkongsi mengenai mandat dan dasar BNM. Usaha ini penting supaya BNM dapat meningkatkan pemahaman orang ramai dan mengekalkan kepercayaan mereka. BNM juga akan memberikan keutamaan untuk menguruskan jangkaan terhadap ekonomi berikutan ketidakpastian global. Di samping itu, BNM akan meneruskan libat urus dalam pelbagai isu kepentingan awam seperti inflasi kos perubatan, penipuan kewangan serta celik kewangan.

Gambar Rajah 9: Program BNM MAG pada Tahun 2024

Masih Ada Waktu: Sediakan Payung Sebelum Hujan

- Pameran celik kewangan menjadikan pembelajaran tentang wang lebih menyeronokkan. Terdapat lebih 100 tabung simpanan, replika yang menarik dan permainan interaktif. Program seperti *Thrift Kitchen* dan *Thrift Fiesta* mengajar pelawat tentang amalan menabung dan pengurusan kewangan yang bertanggungjawab.



Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan bersama-sama dengan Gabenor Rasheed melancarkan pameran "Masih Ada Waktu"



Jiwa Membumi: *The Soul of the Land*

- BNM MAG menjadi platform untuk mempamerkan keindahan alam semula jadi Malaysia, yang dirakam melalui lensa 12 orang artis tempatan. Pameran ini memaparkan landskap Semenanjung Malaysia yang menakjubkan, mengingatkan pelawat tentang khazanah yang menyatukan rakyat hingga ke akar umbi. Dengan menggabungkan fotografi, video selang masa, lukisan dan pemasangan, pameran ini meraikan keindahan dan jati diri Malaysia.

Salah seorang seniman, Hariz Hamdan, menjelaskan karya beliau di pameran "Jiwa Membumi"

Batik: Melirik Larik

- BNM MAG mengetengahkan semula seni batik dalam pameran ini yang menampilkan koleksi seni bertema batik BNM yang meluas. Pelawat menikmati evolusi batik daripada pakaian tradisional kepada seni visual, mendedahkan teknik rumit yang menghidupkan warisan seni ini. Pameran ini bukan sahaja untuk memelihara batik tetapi juga untuk memberikan inspirasi kepada penciptaan semula seni ini.



BNM MAG menganjurkan pameran "Batik" pada bulan Ogos 2024, meraikan kemerdekaan Malaysia melalui warisan seni tradisional



Mutiara Utara: Meraikan Seniman Utara Tanah Air

- BNM MAG meluaskan jangkauannya ke wilayah utara dengan bekerjasama dengan Galeri Melayu Pulau Pinang. Mutiara Utara menampilkan koleksi karya seni yang menarik sejak tahun 1960-an. Dengan mempamerkan hasil seni artis yang berasal daripada utara dalam koleksi BNM, pameran ini meraikan warisan budaya yang kaya sambil merapatkan jurang antara dunia kewangan dan seni.

Gabenor Rasheed bersama gabenor lain daripada Bank of Thailand, Hong Kong Monetary Authority, Bangko Sentral ng Pilipinas, Reserve Bank of Australia, Monetary Authority of Singapore dan Reserve Bank of New Zealand, serta timbalan gabenor daripada People's Bank of China selepas Executives' Meeting of East Asia Pacific Central Banks

Hari Muzium Antarabangsa dan Reruai BNM MAG dalam Siri Karnival Celik Kewangan

- BNM MAG meneroka cara kreatif untuk menarik pelawat semasa Hari Muzium Antarabangsa di Pulau Pinang dan Karnival Celik Kewangan. Dengan tema Sekolah Magik Kewangan yang unik, para pelawat memulakan perjalanan interaktif seperti Kelas Ramuan OPR dan Hutan Ajaib untuk Karya. Program ini menunjukkan bahawa pembelajaran tentang pengurusan kewangan boleh menjadi menarik, menjadikan BNM MAG dikenali untuk kreativiti dan keberkesanan.



Pameran tematik, berdasarkan konsep sekolah magik, meningkatkan kesedaran orang ramai tentang sejarah mata wang, penipuan kewangan, celik kewangan dan karya daripada seniman Pulau Pinang



Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang bersama-sama dengan Timbalan Gabenor Marzunisham Omar dan Penolong Gabenor Abd. Rahman di upacara penutup acara "Bermalam @ Muzium"

Bermalam @ Muzium bersama Jabatan Muzium Malaysia dengan Aplikasi "MAG In Your Pocket"

- Dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia, BNM MAG menganjurkan Bermalam @ Muzium (Overnight @ Museum). Acara ini mendapat penyertaan daripada 33 muzium di seluruh Malaysia yang hadir untuk menjayakan penerokaan untuk satu malam.
- Acara ini meraih pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records untuk Penyertaan Terbesar dalam Pembuatan Poster Bertemakan Patriotik. BNM MAG turut melancarkan "MAG In Your Pocket" semasa acara ini. Aplikasi ini membolehkan pengguna mengakses kandungan yang menarik dan ciri interaktif seperti realiti terimbuh (*augmented reality*), permainan dalam aplikasi dan lawatan audio berpandu. Aplikasi ini membolehkan penerokaan kendiri di rumah dan di muzium.

Bazar Seni 2024: Rai Riang Ria

- Program utama BNM MAG, Bazar Seni kembali dengan tema "Rai Riang Ria", meraikan bakat muda dan karya seni yang mampu dimiliki. Acara ini mempamerkan karya berwarna-warni yang menyediakan platform untuk 17 orang seniman baharu dan pada masa yang sama, memupuk penghargaan terhadap seni dalam kalangan rakyat Malaysia.



Penolong Gabenor Dr. Norhana Endut melawat bazar seni dan berinteraksi dengan seniman baharu



Hotspot Kewangan bersama Universiti Putra Malaysia

- BNM MAG, dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), telah menyantuni lebih 550 orang pelajar. BNM MAG dan UPM mengadakan bengkel interaktif dan sesi yang menarik seperti "Jangan Kena Scam", ceramah kerjaya dengan BNM dan ceramah buku tentang penipuan. Program ini memperkasakan minda golongan muda, lantas melengkapkan mereka dengan cara untuk mengharungi cabaran kewangan.

Inisiatif "Hotspot Kewangan" yang julung kali diadakan merangkumi pameran tentang mata wang. Acara ini diadakan bersempena dengan minggu konvokesyen UPM

Sumber: Bank Negara Malaysia